

MAIS ada hak ambil tindakan ke atas Teo

Orang bukan beragama Islam perlu ikut tertib masuk ke masjid

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Adli Shahar
bminggu@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Keputusan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk mengambil tindakan terhadap Ahli Parlimen Serdang, Teo Nie Ching dan Jawatankuasa Surau Al-Huda, Kajang Sentral berhubung isu 'tazkirah' tidak bertentangan dengan fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kerana isu agama terletak di bawah bidang kuasa negeri.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin, berkata tindakan MAIS tidak salah kerana pihak berkuasa agama negeri mempunyai hak walaupun Muzakarah Jawa-

tankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang 1 Mac lalu memutuskan pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan bersyarat.

"Majlis agama Islam negeri berhak mengubah seterusnya menjadikan apa-apa fatwa satu enakmen kerana kuasa terletak pada mereka. Hanya fatwa yang dititah oleh Majlis Raja-Raja tidak boleh diubah," katanya kepada *Berita Minggu*, semalam.

Abdul Shukor turut melahirkan kekesalannya kerana orang Islam kini tidak lagi sensitif terhadap isu agama ekoran pengaruh politik walaupun sesetengah perbuatan secara terang-terangan



Abdul Shukor Husin

bercanggah dengan adab Islam.

Beliau mengulas kenyataan Naib Presiden PAS, Saiahuddin Ayub bahawa sebarang tindakan diambil MAIS ke atas Teo dan jawatankuasa surau adalah bertentangan dengan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan selain mengang-

gap isu itu sengaja dipolitikkan dan dicituskan golongan berfahaman sempit serta tidak bertamadun.

Sementara itu, Ketua Wira PERKASA Malaysia, Arman Azha Abu Hanifah yang mengetuai sekumpulan ahli pergerakan itu gagal menghantar surat kecaman dan sumbangan RM1,000 kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Surau al-Huda berikutan tiada AJK surau yang hadir manakala tempat ibadat itu pula berkunci.

Arman berkata, sumbangan RM1,000 itu adalah bagi membolehkan pengurusan surau memulangkan semula sumbangan yang diterima dari Ahli Parlimen Serdang dan pihaknya akan menyalurkan terus wang berkenaan kepada MAIS.